



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

JOHOR BAHRU

**SCHOOL OF
COMPUTING**

FACULTY OF ENGINEERING

INDIVIDUAL ASSIGNMENT

REFLECTION 1

Student's Name	Nur Hidayah binti Hamri (B19EC0046)
Lecturer's Name	Dr Nurwina Akmal Anuar
Due date	1 st Disember 2020

PROGRAM PERTUKARAN GLOBAL (GLOBAL EXCHANGE PROGRAMME)

UTM – FUKUOKA ITOSHIMA

NAMA PROGRAM

Program Pertukaran Global - Sekolah Menengah Fukuoka Itoshima 2020 adalah program pertukaran pengalaman dan budaya antara pelajar UTM dan pelajar Sekolah Jepun

MAKLUMAT PROGRAM

- Tarikh: 8 & 9 DISEMBER 2019
- Tempat: Fakulti Alam Bina dan Ukur, UTM
- Penganjur: Kumpulan Penyelidikan Perancangan Pelancongan, UTM

GRADUATE ATTRIBUTE

- Kemahiran komunikasi
- Kemahiran kerja kepimpinan dan berpasukan
- Kemahiran berfikir

KEDUDUKAN / PERANAN DALAM AKTIVITI

- Peranan saya dalam aktiviti ini adalah sebagai jurucakap acara dan membuat persembahan

PELAPORAN (REPORTING)

Pada tahun lepas, 8 dan 9 Disember saya telah mengikuti sebuah program Bahasa Jepun dimana pelajar-pelajar sekolah menengah Fukuoka Itoshima telah datang ke UTM bagi pelancaran program pertukaran global di Fakulti Alam Bina dan Ukur. Pada mulanya, program ini telah disebarkan ke kumpulan-kumpulan kolej dan saya serta beberapa orang rakan saya telah mendaftar sebagai peserta bagi wakil UTM. Kemudian pihak penganjur telah menetapkan tarikh untuk kesemua para peserta untuk hadir ke Fakulti Alam Bina dan Ukur bagi menerangkan kepada kami serba sedikit tentang tentatif bagi program ini dan mula membahagikan tugas kepada para peserta. Antara tugas yang diberikan ialah teknikal, video, persembahan dan juga jurucakap acara (emcee). Disebabkan program ini dilakukan selama dua hari, maka tugas-tugas ini telah dibahagikan kepada dua bahagian. Seperti saya dan rakan-rakan telah ditugaskan untuk mengikuti program pada 8 Disember.

Semasa pembahagian tugas, saya dipilih untuk menjadi jurucakap acara pada 8 disember tersebut. Semasa pemilihan jurucakap acara, saya berkata bahawa saya ingin menjadi jurucakap acara dan mencabar diri saya untuk menjadi jurucakap acara bagi program ini. Selain itu setiap dari kami juga perlu menyediakan dua hingga tiga persembahan pada hari program itu berlaku. Pada 8 disember, persembahan yang akan kami lakukan ialah tarian Cina dan juga tarian tradisional Melayu. Apa yang dapat saya perhatikan ialah kesemua peserta telah memberikan kerjasama yang baik dan kami juga sedia untuk membantu rakan-rakan peserta yang lain jika mereka memerlukan pertolongan dan ini adalah satu contoh yang amat baik. Setelah pembahagian tugas ditetapkan, penganjur telah memberikan saya skrip jurucakap acara untuk dibaca pada hari tersebut.

Apa yang saya dapat lihat ialah program pertukaran global antara pelajar jepun dan UTM ini adalah sesuatu yang baru bagi diri saya kerana selama ini saya tidak pernah berkesempatan untuk bercakap dengan orang lain dengan menggunakan Bahasa Inggeris sepenuhnya kerana saya tidak berasa yakin dengan diri saya sendiri apabila bercakap menggunakan Bahasa Inggeris tetapi dengan mengikuti program ini saya dapat memperbaiki diri saya menjadi lebih baik.

BERTINDAK BALAS (RESPONDING)

Apa yang saya dapat rasakan semasa saya mengikuti program ini ialah saya berasa amat teruja kerana ini adalah pertama kali saya mengikuti majlis besar bersama pelajar dari negara luar dan saya juga teruja untuk bertemu dengan pelajar jepun. Walaupun mereka hanya pelajar sekolah menengah tetapi pakaian mereka seperti dewasa dan mereka juga tinggi-tinggi. Semasa menunggu kehadiran mereka ke dewan Fakulti Seni Alam Bina, saya berasa gugup kerana kami sudah dibahagikan mengikut kumpulan. Satu kumpulan 6-7 orang pelajar jepun dan dua orang pelajar Malaysia. Setelah mereka sampai, kami terus membawa mereka malawat kesemua kawasan di UTM dan kami ditugaskan untuk berinteraksi bersama mereka di dalam Bahasa Inggeris. walaubagaimanapun, tidak kesemua mereka memahami dan mahir dalam Bahasa Inggeris seperti kami jadi kami juga telah menyiapkan beberapa perkataan dalam Bahasa jepun untuk mereka supaya lebih mudah untuk kami berinteraksi.

Pada mulanya, perasaan malu dan gementar menguasai diri saya tetapi apabila sudah mengalami situasi tersebut perasaan itu bertukar gembira dan bangga terhadap diri saya kerana saya dapat melakukannya. Setelah selesai melawat kawasan, kami masuk ke dalam dewan dan saya mengambil posisi sebagai jurucakap acara. Perasaan gementar sekali lagi menyelubungi diri tetapi saya bangga kerana saya dapat berucap di hadapan pelajar dan guru jepun. Walaupun

ada sedikit kesalahan tetapi itu tidak membuat saya malu dengan diri saya kerana tidak semua orang mampu untuk melakukannya. Tiba masa untuk membuat persembahan, saya juga perlu membuat persembahan bersama rakan yang lain dan perasaan itu tidak dapat dilupakan apabila melihat semua pelajar dan guru jepun terhibur dengan persembahan kami. Kami juga memanggil beberapa orang pelajar jepun untuk menari bersama kami, walaupun mereka malu tetapi mereka gigih juga untuk kehadiran dan itu adalah pengalaman baru bagi mereka dan juga saya. Pengalaman ini tidak dapat dicari dimana-mana kerana pengalaman itu berharga

BERKAITAN (RELATING)

Dengan mengikuti program ini dan menjadi jurucakap acara pada hari tersebut telah mengingatkan saya pada pengalaman saya di sekolah rendah dan sekolah menengah dimana saya selalu menjadi jurucakap acara semasa perhimpunan. Pada mulanya agak gugup untuk bercakap di atas pentas tetapi lama kelamaan saya menjadi teruja untuk bercakap dan sudah terbiasa kerana menjadi jurucakap acara agak mudah kerana skrip sudah disediakan dan hanya perlu membacanya mengikut skrip yang diberi. Pada hari pertama saya menjadi jurucakap acara di sekolah rendah, saya agak malu kerana perlu berdiri dihadapan ramai pelajar dan takut jika ada membuat kesilapan ketika memberi ucapan dan sehingga sekarang saya berasa takut. Saya cuba untuk menggigihkan diri untuk cuba perkara yang sudah lama saya tidak lakukan. Menjadi jurucakap acara ini mengingatkan saya pada kenangan dan cabaran yang saya lalui sepanjang sekolah rendah dan sekolah menengah.

Banyak yang saya belajar semasa saya bersekolah kerana masa itu saya lebih cenderung untuk mencuba perkara yang baharu. Perbezaan yang saya dapat lihat pada masa saya bersekolah dengan di universiti ialah di sekolah saya perlu berbincang dan dengan guru dan jika saya tidak faham, guru akan mengajar saya satu persatu. Berbeza dengan di universiti, dimana saya perlu

berlatih dan mencarinya sendiri selepas membuat perjumpaan kerana pada masa ini saya lebih cenderung untuk fokus supaya tidak melakukan kesalahan yang sama semasa program itu berlangsung. Selain itu, saya merasakan bahawa kemahiran menjadi jurucakap acara ini adalah amat sesuai dengan saya kerana saya tidak perlu untuk bercakap secara spontan. Jika diberi peluang untuk menjadi jurucakap acara bagi sebuah program, saya amat gembira untuk melakukannya walaupun berasa gementar kerana saya merasakan ini adalah kemahiran yang saya dapat kuasai.

ALASAN (REASONING)

Seterusnya ialah aspek yang paling penting dalam situasi ini iaitu situasi sepanjang program ini berlangsung ialah aspek kerjasama dimana ia adalah sangat penting dalam menjayakan sesuatu program. Selain itu, aspek merendah diri juga penting dalam membuat kerja secara berkumpulan supaya tidak timbulnya pergaduhan dan salah faham yang menjadikan benteng untuk berjaya di dalam satu program. Saya suka dengan situasi dengan sikap kerjasama diantara kami kerana masing-masing telah memberikan kerjasama yang baik sehingga hari program itu berlangsung. Walaupun pada mulanya kami ada sedikit salah faham semasa membuat latihan persembahan tetapi kami dapat mengawalinya dengan baik apabila kami berbincang dengan baik tentang pergerakan bagi persembahan kami.

Pada pandangan saya sendiri, perjalanan program ini adalah satu program yang sama dengan perjalanan untuk setiap program yang lain, dari segi persediaan juga adalah sama dan perlu berkerjasama untuk menjayakannya. Bagi pandangan saya sebagai seorang pelajar ialah program seperti ini dapat menambahkan lagi semangat dan pengalaman untuk digunakan pada masa akan datang kerana ia dapat membantu meningkatkan lagi sikap yakin dalam diri dan berani untuk mencuba sesuatu. Seterusnya, pandangan saya secara professional terhadap

program seperti ini ialah dapat memberi ilmu dan pengalaman untuk mengetahui tentang budaya dan cara negara luar berinteraksi dan menguruskan kehidupan melalui aktiviti melawat kawasan di UTM. Dari situ pelajar UTM dapat berinteraksi dengan mereka dengan lebih mesra dan mengenali satu sama lain, belajar sedikit tentang Bahasa Jepun serta keadaan disana.

Saya memahami tentang situasi ini dimana pelajar sentiasa ingin mencuba sesuatu yang baru didalam setiap program tetapi mereka takut akan kemampuan mereka sendiri dan tidak mahu untuk memikul tanggungjawab yang diberikan kerana bagi mereka dengan tanggungjawab itu dapat membebankan mereka dan dapat menghadkan aktiviti mereka seperti assignment dan kerja-kerja lain. Bagi mereka yang takut untuk mencuba sesuatu yang lain sentiasa mempunyai pemikiran seperti ini tetapi dalam masa yang sama mereka ingin mencuba Cuma tidak yakin pada diri mereka.

REKONSTRUKSI (RECONSTRUCTING)

Apa yang saya dapat bezakan semasa menjadi jurucakap acara di sekolah dengan berada di universiti ialah cara saya berlatih dan juga suasana di dalam program. Apabila berada di universiti, suasana sudah menjadi serius semasa program berlangsung tidak seperti berada disekolah yang rata-ratanya ialah guru sekolah dan juga kawan-kawan. Semasa berada di universiti, peserta yang menyertai program adalah orang yang berpangkat besar dan juga orang luar seperti pelajar dan guru-guru sekolah Jepun. Aktiviti menjadi jurucakap acara ini amat berhasil dan berguna kepada saya kerana saya telah dilatih sejak dibangku sekolah. Saya sudah merasai perasaan gugup sebelum dan selepas menjadi jurucakap acara. Kini saya juga telah merasai menjadi jurucakap acara semasa berada dalam majlis yang agak besar iaitu majlis program pertukaran global bersama sekolah jepun. Saya dapat merasakan bahawa saya boleh menawarkan diri saya untuk menjadi jurucakap acara amahupun melakukan persembahan bagi

program yang lain yang akan datang. Pengalaman seperti ini tidak semua orang mampu untuk memperolehinya kerana mereka perlu mencari sendiri pengalaman seperti ini.

Apabila tiba di universiti, sebenarnya aktiviti seperti ini terlalu banyak dan ada dimana-mana. Pelajar sendiri yang perlu mencarinya dan memperolehinya untuk mendapatkan pengalaman ini. Saya telah mempelajari dari pengalaman yang lepas dimana saya ingin untuk mengikuti sebuah program dan menjadi sebahagian dari mereka tetapi saya tidak memaksa diri untuk memberanikan diri bagi mengikuti program dan akhirnya saya berasa rugi kerana pengalaman itulah yang dapat membantu saya pada masa akan datang.

Sekarang ini saya lebih memahami apa yang pelajar lain rasakan apabila mereka mengikuti pelbagai aktiviti kerana ia adalah sesuatu yang menyeronokkan. Berjumpa dengan kelompok yang baru, mempelajari bagaimana untuk berinteraksi atau mengenali sikap manusia yang pelbagai. Selain itu, mempelajari juga bagaimana untuk bekerja di dalam satu organisasi. Kini saya lebih cenderung untuk mengajak rakan-rakan yang lain untuk mengikuti pelbagai program bagi menimba pengalaman baru dan memori yang menggembirakan kerana aktiviti ini dilakukan bersama rakan-rakan yang lain. Dengan mengajak mereka melakukan aktiviti ini, mereka juga dapat kelebihan walaupun pada mulanya mereka agak ragu-ragu untuk mengikutinya tetapi lama kelamaan, mereka akan cuba juga untuk memberanikan diri mereka keluar dari zon selesa. Apa yang akan terjadi pada masa akan datang sekiranya saya ingin mencabar diri saya untuk menjadi jurucakap acara mahupun menjadi ahli di dalam salah satu organisasi majlis, saya akan tunjukkan diri saya bahawa saya boleh melakukannya dengan menunjukkan bakat yang saya peroleh melalui pengalaman saya yang lepas.



Semasa menjadi jurucakap acara

